



# Pengguna kekal bayar tarif elektrik sama - Fadillah

Sentiment	Neutral	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Chinese
Impressions	155,996	Circulation	155,996
PR Value	46,799	Page	8



## Pengguna kekal bayar tarif elektrik sama – Fadillah

**KUALA LUMPUR** – Semua pengguna perkhidmatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan kekal membayar kadar tarif elektrik yang sama seperti dinikmati sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ia dibuat sebagai maklum balas kepada pengumuman kenaikan tarif elektrik dilakukan TNB sebelum ini.

Beliau berkata, pengumuman TNB tersebut tidak menggambarkan keseluruhan keputusan kerajaan kerana ia dibuat ketika jadual tarif baru belum dimuktamadkan walaupun kadar pu-

rata asas sudah diputuskan kerajaan.

"Pengekalan (tarif elektrik) selari persetujuan kerajaan mengenai penetapan kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung bagi TNB di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Inisifitif (IBR) pada 13 Disember tahun lalu.

"Persetujuan tersebut bagi tempoh Regulatori Keempat (RP4) bermula pada 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2027.

"Kementerian pada 20 Disember tahun lalu juga menyiaran kenyataan media bertajuk 'Pengekalan Tarif Elektrik di Semenanjung: Kerajaan Menyediakan Subsidi Elektrik Sebanyak RM5.96 Bilion bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025."

“

Kementerian pada 20 Disember lalu, juga menyiaran kenyataan media bertajuk 'Pengekalan Tarif Elektrik di Semenanjung: Kerajaan Menyediakan Subsidi Elektrik Sebanyak RM5.96 Bilion bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025.'

### FADILLAH

menanjung: Kerajaan Menyediakan Subsidi Elektrik Sebanyak RM5.96 Bilion bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2025," katanya.

Beliau berkata demikian bagi

menjawab soalan Datuk Seri Hamzah Zainudin (**PN-Larut**) mengenai tindakan akan diam-bil terhadap ahli lembaga TNB selepas membuat pengumuman palsu berkaitan kenaikan tarif

elektrik oleh TNB yang melanggar obligasi Penzahiran Maklumat Material di bawah Peraturan Suruhanjaya Sekuriti.

Dalam pada itu, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, penetapan parameter asas elektrik secara asasnya dibuat berdasarkan mekanisme IBR, sejak 2014.

"Melalui IBR, purata tarif asas di Semenanjung untuk TNB akan dikaji setiap tiga tahun berserta penetapan parameter asas bagi perniagaan TNB yang diselia melalui Suruhanjaya Tenaga (ST)," katanya.